

## UiTM juara SUKIPT 2024

Izzali Ismail - September 14, 2024 @ 7:12pm  
[bhsukan@bh.com.my](mailto:bhsukan@bh.com.my)



UiTM muncul juara keseluruhan SUKIPT 2024 yang berlangsung di UUM. Foto IZZALI ISMAIL

SINTOK: Kontinjen Universiti Teknologi MARA (UiTM) muncul juara keseluruhan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2024 edisi ke-6 yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM) bermula dari 6 September hingga 14 September.

Kejayaan itu hadir selepas UiTM menuai 97 pingat menerusi 38 emas, 20 perak dan 39 gangsa sekali gus mengatasi juara bertahan, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang meraih 78 pingat (38 emas, 19 perak dan 21 gangsa).

Timbalan Naib Cansleor Hal Ehwal Pelajar UiTM, Prof Dr Mohd Sazili Shahibi menyifatkan saingan temasya pada kali ini begitu sengit terutamanya melibatkan kontinjenya dan UPM.

Katanya, kejayaan muncul juara keseluruhan pada edisi kali ini cukup bermakna selepas pasukan bola sepak UiTM turut berjaya mempertahankan ibu pingat emas yang disandang sejak 2018 dan 2022.

"Pada edisi SUKIPT 2022, UPM berjaya muncul juara keseluruhan dan UiTM naib juara namun pada edisi SUKIPT kali ini, kita pula muncul juara keseluruhan dan UPM di tangga kedua.

"Kejayaan ini kita telah tunggu setelah sekian lama kerana UPM adalah juara keseluruhan pada 2018 dan 2022. Tahniah kepada atlet dan pegawai telah merealisasikan sasaran kita," katanya pada sidang media selepas Majlis Penutup SUKIPT UUM 2024, hari ini.

Seramai 6148 orang atlet IPT telah memperagakan kehebatan bagi merebut 231 pingat emas menerusi 28 acara sukan di kesemua 23 gelanggang pertandingan.

SUKIPT 2024 turut mencipta sejarah apabila buat kali pertamanya enam rekod kebangsaan berjaya diperbaharui sejak penganjurannya pada 2012

dalam sukan kayak membabitkan lapan orang atlet yang akan berkongsi habuan RM20,000 secara bersama.

Atlet-atlet berkenaan ialah Nik Afiq Nik Mazli (Kolej Poly-Tech MARA), Siti Nurqasrini Syahzanani, Khairul Naim Zainal, Marina Muzaffa, Aisyah Farhanah Azwan dari UiTM, serta Syahida Asyikin Rusli dan Muhammad Naiem Shahmi (Universiti Pendidikan Sultan Idris).

Sementara itu, Nik Afiq dan Siti Nurqasrini Syahzanani (UiTM) masing-masing dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati

SUKIPT 2024.